

10 SEP 1999

APEC-PEG

APEC DIJANGKA SOKONG PROJEK SALURAN GAS ASIA

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

AUCKLAND, 10 Sept (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) dijangka menyokong projek berani saluran gas Asia bernilai AS\$7.74 bilion (RM29.41 bilion) yang apabila siap kelak akan menghasilkan faedah-faedah komersil dan alam sekitar yang meluas bagi rantau ini.

Tan Sri Francis Yeoh, pengerusi inisiatif Apec itu, yang diberi nama Perkongsian bagi Pertumbuhan Saksama (PEG), berkata syarikat-syarikat minyak utama seperti Enron, Arco dan Pertamina berminat terhadap projek saluran sepanjang 5,000 kilometer itu.

Secara rasmi ia disebut sebagai projek Grid Gas Asia (AGG), terentang dari medan Natuna di luar pesisir Sarawak hingga ke Shanghai di China dan akan menghubungkan rangkaian gas yang dicadangkan di Indonesia, Malaysia dan Thailand.

"Medan gas Natuna milik Indonesia itu mempunyai rizab gas sebanyak 1,500 juta kaki isipadu standard, atau keupayaan untuk menjana kira-kira 10,000 megawatt," katanya kepada Bernama pada waktu rehat mesyuarat Majlis Penasihat Perniagaan Apec (ABAC) di sini hari ini.

"Ia akan mencetuskan banyak kegiatan ekonomi bagi rantau Asia," kata Yeoh, yang membentangkan laporan kemajuan mengenai PEG kepada ABAC, yang kemudiannya akan membentangkan laporan keseluruhan ABAC kepada pemimpin-pemimpin Apec hujung minggu ini.

Katanya projek tersebut merupakan inisiatif paling ketara dilaksanakan oleh PEG, sebuah badan yang ditubuhkan pada bulan April tahun ini, hasil daripada sidang kemuncak Apec di Kuala Lumpur, untuk bertindak sebagai jentera pembina keupayaan di bawah rangka kerjasama ekonomi dan teknikal forum.

ABAC adalah cawangan sektor swasta Apec.

Yeoh, yang juga pengarah urusan YTL Corporation Bhd, berkata projek tersebut menerima sambutan hangat dan China dianggap sebagai pasaran yang berpotensi besar berdasarkan penggunaan gas yang dijangkakan di bandar-bandar sepanjang pantai serta pembelian dari Taiwan dan ekonomi-ekonomi membangun yang lain di rantau ini.

"Asia akan semakin banyak menggunakan gas kerana ia adalah bahan api yang paling bersih, jadi tentulah, bandar-bandar pesisiran pantai di China akan menggunakannya. Dari segi penggunaan tidak ada masalah kerana saluran tersebut hanya boleh mengeluarkan 5-10 peratus daripada keseluruhan penggunaan China pada satu-satu masa," katanya.

Katanya, sekurang-kurangnya 10 negara boleh menyertai projek ini secara menguntungkan.

"Ini boleh menjadi kerjasama terbesar dalam sejarah Apec," katanya.

Yeoh berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, telah memberi perangsang bagi pelaksanaan projek ini yang akan merangkumi konsep perkongsian pintar di mana kedua-dua ekonomi maju dan membangun dalam Apec akan beroleh faedah.

"Negara-negara kaya dalam Apec mempunyai teknologi manakala negara-negara membangun seperti Indonesia mempunyai sumber seperti gas dan buruh, dan jika ini semua digabungkan, ia merupakan satu pelaburan yang amat baik dari segi ekonomi," katanya.

Beliau juga berkata saluran gas bersama adalah lebih murah berbanding

mengangkut gas asli cecair (LNG).

Setelah pemimpin-pemimpin memberikan sokongan jelas di New Zealand, katanya langkah berikutnya ialah kajian kemungkinan yang akan dijalankan oleh pihak-pihak yang berminat.

"Dengan sokongan pemimpin-pemimpin Apec kepada inisiatif PEG ini, kita akan menjadikan gagasan ini satu kenyataan" memandangkan gagasan ini telah lama dicetuskan, katanya.

"Rizab gas Natuna yang begitu banyak telah diperkatakan sejak bertahun-tahun lamanya, tetapi nampaknya keupayaan membawanya kepada pelanggan masih belum berdaya maju," katanya.

Yeoh berkata sokongan pemimpin-pemimpin Apec ini penting kerana salah satu daripada peranan PEG ialah menghapuskan segala halangan melalui perubahan dasar oleh negara-negara Apec kerana saluran ini merentangi tujuh wilayah dan dengan demikian melibatkan isu-isu kedaulatan dan perundangan yang perlu diselesaikan.

Selain menyokong projek ini, adalah juga penting bagi China, misalnya, menyatakan bahawa ia akan membeli gas tersebut pada harga patut di peringkat antarabangsa, katanya.

-- BERNAMA

MR KY MA